



UUM ONLINE: ITU-UUM (International Telecommunication Union Universiti Utara Malaysia) yang memulakan operasinya pada 2 Januari 2007 sebagai Pusat Kecemerlangan dibawah International Telecommunication Union (ITU) menjadi tumpuan utama pembangunan Teknologi Maklumat (ICT) luar bandar merentasi rantau Asia Pasifik yang beroperasi di UUM.

Naib Canselor UUM Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, Penubuhan Pusat Kecemerlangan (CoE) ini ialah untuk memberi faedah kepada negara sedang membangun melalui latihan eksekutif, wadah pengetahuan, R&D dan khidmat nasihat.

"Tumpuan utamanya ialah dalam aspek pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi yang merangkumi *wireless*, jalur lebar, pengurusan rangkaian, operasi, permohonan-permohonan dan perkhidmatan termasuk e-kerajaan, e-entertainment, e-democracy, Digital Literacy dan dasar-dasar serta peraturan yang mencakupi pembangunan pelan dan polisi kerajaan, harta intelek dan pembangunan ICT luar bandar," ujar beliau lagi.

ITU-UUM ini adalah antara ITU-COE yang beroperasi di Asia iaitu Korea, Iran, Pakistan dan Thailand.

"Penubuhannya adalah untuk faedah negara-negara sedang membangun untuk memperluaskan konsep mendasari Global Telecommunication University/ Global Telecommunication Training Institute (GTU/GTII) yang melibatkan penggunaan sumber-sumber yang ada di khalayak ramai, institusi awam, swasta dan pemaju telekomunikasi," katanya ketika merasmikan Pusat Kecemerlangan ITU-UUM di kampus ini pagi tadi.

Prof. Dr. Mohamed Ishak menambah dengan adanya pusat ini ia akan berfungsi sebagai tempat untuk melatih penggubal dasar, pentadbir dan operator supaya mewujudkan regulasi dan peraturan dalam sektor telekomunikasi dan ICT.

Bagi memperkasakan ITU-UUM ini pelbagai aktiviti perlu dijalankan termasuk penganjuran seminar diperingkat antarabangsa, mendapatkan geran penyelidikan dan latihan serta forum.

Sementara itu Pengarah ITU-UUM Dr Wan Rozaini Sheik Osman ketika ditemui berkata, penubuhannya bermula dengan hasil usaha yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Suhaidi Hassan yang telah meyakinkan pihak ITU yang berpejabat di Bangkok untuk memberikan projek ini kepada UUM walaupun mendapat saingan daripada beberapa institusi lain yang turut berminat dari Malaysia dan rantau Asia Pasifik yang lain.

Bagi merencakkannya dan merealisasikan hasrat Naib Canselor untuk menjadi Universiti Penyelidikan maka ITU-UUM telah bekerjasama dengan pensyarah universiti ini untuk menjalankan penyelidikan sebagai usaha membina kapisiti penyelidik diperingkat antarabangsa sambil memohon geran dari dalam dan luar negara.

Habis.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my